

Headline **Hanya 277 derma organ**
Date **10 Feb 2010**
MediaTitle **Harian Metro**
Section **Setempat**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **289,315 / 1,981,000**

Language **Malay**
Page No **18**
Article Size **191 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **4,107**
PRValue **12,320**



SEPAKAT...(dari kiri) Lee, Dr Lela Yasmin dan Mohamed Khatib (kanan) selepas majlis pelancaran Kempen Gerakan Kesedaran Menderma Organ, semalam.

Hanya 277 derma organ

KUALA LUMPUR: Hospital Pantai Kuala Lumpur (PHKL) bersama Pusat Sumber Transplan Nasional di bawah Kementerian Kesihatan dan Majlis Pusat Sa-thya Sai Baba Malaysia melancarkan Kempen Gerakan Kesedaran Menderma Organ.

Pelancaran gerakan kesedaran itu dilakukan dan diserikan dengan kehadiran Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kesedaran Awam Pendermaan Organ, Tan Sri Lee Lam Thye di Dewan Pantai, Pantai Hospital di sini, semalam.

Antara yang hadir, Pengerusi Pantai Holding Berhad,

Tan Sri Mohamed Khatib Abdul Hamid, Ketua Koordinator Transplan Nasional dan Pengurus Perolehan, Pusat Sumber Transplan Nasional, Datin Dr Lela Yasmin Mansor.

Mengikut statistik pada penghujung Januari lalu, 138,193 orang mendaftar sebagai penderma organ manakala hanya 277 orang menjadi penderma.

Lee berkata, dia akan memanggil ahli jawatankuasanya untuk mesyuarat bagi merangka strategi tahun ini selepas perayaan Tahun Baru Cina.

"Kita berharap akan ada lebih banyak pembabitan

badan bukan kerajaan (NGO) pada masa depan dan berharap media juga membantu menyebarkan maklumat mengenai kebaikan pendermaan organ kepada orang ramai.

"Kerjasama semua pihak amat penting dalam kita cuba mempromosi, mendidik dan memperbetulkan persepsi masyarakat mengenai pendermaan organ.

"Tidak ada satu pun agama menentang terhadap tugas mulia (menderma) seperti ini kerana sudah diketahui perbuatan ini mampu menyelamatkan nyawa orang lain," katanya pada sidang media.